

# Paus terakhir berjaya diselamatkan

SH 28/9/2020 m/c 32

**SYDNEY** - Pasukan penyelamat Australia berjaya menyelamatkan ikan paus terakhir sekali gus menjadikan jumlah mamalia tersebut yang berjaya diselamatkan mencecah 110 ekor.

Jurucakap Jabatan Alam Sekitar Tasmania memaklumkan haiwan tersebut ditemui masih hidup selepas enam hari kumpulan paus pertama dijumpai terkandas di Macquarie Harbour pada minggu lalu.

Semalam, pasukan penyelamat memulakan usaha untuk melupuskan bangkai lebih 300 paus terbabit selepas kira-kira 470 paus terdampar di perairan cetek di selatan Australia.

Beberapa bot mula menunda bangkai paus itu yang akan dilupuskan beberapa hari lagi. - AFP